

 UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAKTI	OPERASI PERKHIDMATAN SOKONGAN PEJABAT NAIB CANSELOR Kod Dokumen: UPM/OPR/PNC-WZN/AK02/WKF	Halaman: 1/4 No. Semakan: 01 No. Isu: 01
	ARAHAN KERJA KUTIPAN WAKAF BUKAN KAUNTER	Tarikh: 11/10/2024

1.0 SKOP

Arahan Kerja ini meliputi tatacara pengurusan terimaan sumbangan wakaf bukan kaunter seperti yang dinyatakan dalam **Prosedur Pengurusan Kutipan Dana Wakaf Ilmu (UPM/OPR/PNC-WZN/P002)**.

2.0 TERMINOLOGI DAN SINGKATAN

PYB	: Pegawai yang bertanggungjawab menguruskan kutipan wakaf bukan kaunter.
PTK	: Pembantu Tadbir Kewangan.
PTPO/PE4/PE5	: Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi). Pegawai Eksekutif 4 / Pegawai Eksekutif 5.
PTJ	: Pusat Tanggungjawab-
WAZAN	: Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen-

3.0 ARAHAN

Bil	Tindakan	Tanggungjawab
1.	<p>Peti Sumbangan</p> <p>(i) Kaedah peti sumbangan ini meliputi semua bentuk kutipan wakaf melalui peti statik dan tidak statik.</p> <p>(ii) Kutipan wakaf melalui peti statik diuruskan oleh pihak Bursar dengan penglibatan pegawai pengiring daripada WAZAN.</p> <p>(iii) Kutipan wakaf melalui peti besi tidak statik hendaklah mematuhi perkara berikut –</p> <ul style="list-style-type: none"> ● PYB perlu mempunyai surat kuasa. ● peti besi perlu mempunyai nombor siri. ● peti besi hendaklah sentiasa berkunci. 	PTK/PTPO/PE4/ PE5

 UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAKTI	OPERASI PERKHIDMATAN SOKONGAN PEJABAT NAIB CANSELOR Kod Dokumen: UPM/OPR/PNC-WZN/AK02/WKF	Halaman: 2/4 No. Semakan: 01 No. Isu: 01
	ARAHAN KERJA KUTIPAN WAKAF BUKAN KAUNTER	Tarikh: 11/10/2024

Bil	Tindakan	Tanggungjawab
	<ul style="list-style-type: none"> ● PYB mengendalikan kunci hendaklah bukan pegawai yang memegang kombinasi. <p>(iv) PYB hendaklah menyimpan wang kutipan wakaf ke dalam peti besi.</p> <p>(v) Kesemua wang yang diterima hendaklah didepositkan ke bank pada hari yang sama atau pada hari bekerja berikutnya.</p> <p>(vi) Semak salinan <i>bank-in slip</i> bagi memastikan tiada kesilapan pada nombor akaun bank dan amaun yang didepositkan sebelum meninggalkan kaunter.</p> <p>(vii) Failkan bagi tujuan rekod.</p>	
2.	<p>Skim Potongan Gaji</p> <p>(i) Staf UPM perlu melengkapkan borang permohonan Skim Potongan Gaji secara manual atau dalam talian (eBarakah) di pautan ewazan.upm.edu.my.</p> <p>(ii) Borang yang diterima akan disemak oleh PYB meliputi maklumat seperti berikut –</p> <ul style="list-style-type: none"> ● nama pemohon (staf). ● nama kad pengenalan. ● nombor staf. ● nombor telefon. ● jenis potongan. ● pilihan skim. ● pilihan tahun dan bulan potongan. ● jumlah potongan (RM). ● tarikh permohonan. ● pengakuan dan tandatangan pemohon. <p>(iii) PYB akan menghantar arahan potongan gaji kepada pihak Bursar selewat-lewatnya pada tarikh akhir penerimaan dokumen pada setiap bulan.</p>	PTK/PTPO/PE4/ PE5

 UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAKTI	OPERASI PERKHIDMATAN SOKONGAN PEJABAT NAIB CANSELOR Kod Dokumen: UPM/OPR/PNC-WZN/AK02/WKF	Halaman: 3/4
	ARAHAN KERJA KUTIPAN WAKAF BUKAN KAUNTER	No. Semakan: 01
		No. Isu: 01

ARAHAN KERJA KUTIPAN WAKAF BUKAN KAUNTER	Tarikh: 11/10/2024
---	--------------------

Bil	Tindakan	Tanggungjawab
	(iv) Failkan bagi tujuan rekod.	
3.	<p>Perbankan</p> <p>(i) Kaedah perbankan ini meliputi gerbang pembayaran <i>Payment Gateway</i> (PayGate), pindahan dalam talian (online transfer), <i>QR Code</i>, terimaan melalui mesin deposit cek (CDM) dan mesin juruwang automatik (ATM).</p> <p>(ii) Sumbangan melalui gerbang pembayaran <i>Payment Gateway</i> (PayGate) akan menerima e-resit yang dihantar kepada emel penyumbang secara automatik.</p> <p>(iii) Bagi sumbangan melalui pindahan dalam talian (online transfer), <i>QR Code</i>, terimaan melalui mesin deposit cek (CDM) dan mesin juruwang automatik (ATM), penyumbang perlu menyerahkan slip transaksi perbankan kepada PYB sebagai bukti sumbangan (jika memerlukan resit rasmi pembayaran).</p> <p>(iv) PYB perlu menghantar slip transaksi tersebut kepada pihak Bursar untuk proses semakan dan penyelarasannya dalam akaun Dana Wakaf Ilmu UPM.</p> <p>(v) Failkan bagi tujuan rekod.</p>	PTK/PTPO/PE4/ PE5
4.	<p><i>e-Claims</i></p> <p>(i) Kaedah <i>e-Claims</i> ini meliputi tuntutan perjalanan dalam negeri, tuntutan perjalanan luar negara, tuntutan pelbagai, tuntutan pertukaran, tuntutan pensyarah sambilan dan tuntutan perpindahan.</p> <p>(ii) Staf UPM perlu melengkapkan borang <i>e-Claims</i> di pautan http://eclaims.upm.edu.my dengan mengikuti langkah yang ditetapkan. dan bersetuju menyalurkan tuntutan berkenaan ke akaun Dana Wakaf Ilmu UPM.</p>	PTK/PTPO/PE4/ PE5

 UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAKTI	OPERASI PERKHIDMATAN SOKONGAN PEJABAT NAIB CANSELOR Kod Dokumen: UPM/OPR/PNC-WZN/AK02/WKF	Halaman: 4/4 No. Semakan: 01 No. Isu: 01
	ARAHAN KERJA KUTIPAN WAKAF BUKAN KAUNTER	Tarikh: 11/10/2024

Bil	Tindakan	Tanggungjawab
	(iii) Semakan melalui sistem kewangan UPM yang berkuatkuasa. (iv) Cetak dan failkan untuk tujuan rekod.	
5.	Jurnal (i) Kaedah ini meliputi apa-apa pindahan sumbangan wakaf yang dibuat melalui PTJ. (ii) Semakan melalui sistem kewangan UPM yang berkuatkuasa. (iv) Failkan bagi tujuan rekod.	PTK/PTPO/PE4/ PE5